

1 Tajuk Kajian

Persepsi Guru Terlatih dan Guru Pelatih terhadap Pengajaran Berkesan: Satu Kajian Grid Repertori

2 Skop Kajian

Skop kajian ini sangat terbatas; ia cuma menumpukan perhatian kepada konstruk-konstruk pengajaran berkesan dari kaca mata guru pelatih dan guru terlatih yang berpengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun.

3 Objektif Kajian

Ini merupakan satu kajian eksplorasi dan kualitatif tentang aspek-aspek pengajaran berkesan. Kajian ini bertujuan meninjau konstruk-konstruk pengajaran dari pandangan guru terlatih dan guru pelatih dengan menggunakan teknik grid repertori. Sehubungan dengan itu, perbandingan konstruk tentang keberkesanan pengajaran di antara guru terlatih dan guru pelatih akan dilakukan. Hasil kajian ini boleh membantu subjek melakukan refleksi tentang amalannya di bilik darjah khususnya tentang pengajaran berkesan (Christie & Menmuir, 1997; Sedan & Roberts, 1998; Hopper, 1996).

4 Latar Belakang Kajian

Arena pendidikan menghadapi cabaran dan perubahan yang terlalu dinamik untuk diproses oleh minda manusia. Walaupun pemain-pemain dalam arena telah disertai oleh ICT, komputer, serta teknologi yang canggih, namun penggerak utama dalam sekolah dan khasnya dalam bilik darjah masih guru. Justeru itu, pengajaran guru yang berkesan merupakan pokok perbincangan yang penting dan implikasinya sangat luas. Fahaman tentang sifat dan amalan pengajaran berkesan akan mempengaruhi latihan guru praperkhidmatan, latihan guru dalam perkhidmatan, malah proses penilaian prestasi guru. Segala tenaga, masa dan wang yang dicurahkan untuk mewujudkan sistem pendidikan bertaraf dunia akan menjadi sia-sia sahaja

sekiranya perancang dan pengamal pendidikan tidak sehaluan mengenai pengajaran berkesan.

Guru terlatih yang berpengalaman mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang jauh berbeza dengan guru-guru pelatih. Antara sebab-sebabnya ialah wujudnya pengetahuan isi pedagogi (PCK) seperti yang diutarakan oleh Shulman. Selain itu, terdapat pendapat yang menyatakan bahawa perbezaan pendapat di antara guru pelatih dan guru berpengalaman berlaku sebab tahap-tahap perkembangan guru berbeza.

Selama ini banyak kajian dilakukan untuk mengenal pasti sifat-sifat pengajaran berkesan serta instrumen-instrumen untuk mengukur pengajaran berkesan. Kebanyakan kajian yang telah dijalankan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen atau kaedah temuduga. Kaedah-kaedah demikian mempunyai banyak kelemahan yang ketara. Pada keseluruhannya, masalah yang dihadapi oleh kedua-dua teknik itu boleh dikatakan sebagai berpusatkan penyelidik dan bukan berpusatkan subjek. Kajian ini akan menggunakan teknik grid repertori dan berasaskan kerangka psikologi konstruk peribadi (personal construct psychology). Penggunaan teknik grid repertori dalam kajian ini akan dapat memberi nafas baru kepada pendekatan-pendekatan kualitatif mahupun kuantitatif. Ini adalah sebab penggunaan teknik grid repertori merupakan kaedah yang mengintegrasikan teori dengan amali serta berasaskan meta-teori – iaitu Teori Konstruk Peribadi (Personal Construct Theory).

5 Pernyataan Masalah

Antara masalah-masalah yang ingin diselidiki ialah:

- a. Apakah konstruk guru terlatih dan guru pelatih terhadap pengajaran berkesan?
- b. Apakah perbezaan konstruk pengajaran berkesan di antara guru terlatih dan guru pelatih?

6 Tinjauan Penulisan

Banyak kajian telah dilakukan untuk mengupas dan mengenal pasti sifat pengajaran berkesan atau pengajar yang berkesan. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua konsep agak berbeza, dalam kajian ini pengajaran berkesan dan pengajar berkesan dianggap serupa sahaja.

David W. Gurney (1977) menyatakan bahawa analisis tentang persepsi pelajar kolej mengenai keberkesanan pengajaran menunjukkan pelajar lebih menekankan proses pengajaran, khasnya faktor-faktor humanis, dan bukan produk pengajaran atau jumlah pembelajaran. Sebaliknya, Jacobs (1987) melaporkan bahawa faktor-faktor yang dianggap penting oleh pelajar ketika menilai pensyarah-pensyarah merangkumi jumlah pembelajaran dalam kursus, keadilan pengajar, impartiality, organisasi, persediaan, rapport dengan pelajar, serta kepakaran dalam bidang pengajian. Sehubungan dengan itu, Feldman (1968) telah melakukan penyelidikan ekstensif tentang penilaian pelajar kolej terhadap kursus dan guru. Mengikuti Feldman, “positive self regard”, tenaga, “enthusiasm”, dan “positive regard for others” merupakan ciri-ciri yang berkait rapat dengan pengajaran yang berkesan. Dalam kajiannya yang lebih awal, Feldman menjelaskan bahawa,

“friendliness (concern and respect for students), helpfulness (availability), and openness to others’ opinions (encouragement of class questions and discussions), dimensions primarily involving the teaching task of facilitation (instructor in the role of Instructor or Reciprocator), are among the most frequently mentioned characteristics when students freely describe their ideal or best teachers and the characteristics they see as important to good teaching” (Feldman, 1976, p.264)

Boex (2000) yang mengkaji analisis penilaian pelajar terhadap keberkesanan instruktur-instruktur ekonomi dengan menggunakan soalan selidik Student Evaluation of Instructor (SEI) melaporkan sifat yang paling penting bagi instruktur ekonomi ialah organisasi dan kejelasan. Faktor yang ketiga ialah kebolehan untuk memotivasikan pelajar manakala faktor keempat ialah pemarkahan tugas. Faktor terakhir yang dianggap penting bagi seseorang instruktur ekonomi ialah dimensi intelek /ilmiah.

Trice dan Harris (2001) juga meninjau kualiti guru berdasarkan persepsi guru pelatih Amerika dan Bulgaria dengan menggunakan instrumen yang berdasarkan “Cosgrove’s Descriptive Ranking Form for Teachers”. Instrumen itu mengukur 4 tema iaitu Pengetahuan, Perhubungan, Perancangan, dan “Enthusiasm”. Didapati guru pelatih dalam kajiannya lebih mementingkan peranan guru dari segi hubungan dan “enthusiasm”.

Di San Francisco State University, satu projek dijalankan untuk mencipta satu instrumen demi mengukur pengajaran yang berkesan di kalangan pensyarah oleh pelajar-pelajar universiti tersebut. Instrumen itu dirumus berdasarkan analisis konten

instrumen-instrumen penilaian pengajaran berkesan yang digunakan oleh 8 buah kolej di Amerika Syarikat. Instrumen yang dihasilkan merangkumi lapan faktor, iaitu:

- ❑ Organisasi pengetahuan isi kandungan kursus
- ❑ Komunikasi jelas dan kemahiran komunikasi dengan pelajar
- ❑ Hormat, adil, dan interaksi berasaskan isi kandungan dengan pelajar
- ❑ Persekitaran pembelajaran untuk pelajar
- ❑ Tugas, penilaian, peperiksaan, dan pengredan yang adil.
- ❑ Keberkesanan menyeluruh bagi instruktur

Bagaimanapun, instrumen tersebut banyak merujuk kepada Seldin (1999) yang mencadangkan 13 kualititi guru yang berkesan. Antaranya ialah:

- ❑ Treat students with respect and caring
- ❑ Provide the relevance of information to be learned
- ❑ Use active, hands-on student learning
- ❑ Vary instructional modes
- ❑ Provide frequent feedback to students on their performance
- ❑ Offer real-world, practical examples
- ❑ Draw inferences from models and use analogies
- ❑ Provide clear expectations for assignments
- ❑ Create a class environment which is comfortable for students
- ❑ Communicate in a way that is understandable to their students
- ❑ Present themselves in class as "real people"
- ❑ Use feedback from students and others to assess and improve their teaching
- ❑ Reflect on their own classroom performance in order to improve

Wilson dan Cameron (1996) berpendapat bahawa persepsi guru pelatih terhadap pengajaran berkesan adalah berasaskan perspektif perkembangan. Kajian mereka yang menggunakan catatan jurnal guru pelatih semasa menjalankan latihan mengajar menggambarkan persepsi pengajaran yang kompleks. Dari segi pengajaran, pelatih beranjak dari pengajaran berpusatkan guru kepada pengajaran yang berpusatkan pelajar. Selain itu, hubungan pelatih dengan pelajar beralih dari sifat peribadi kepada sifat professional. Hasil kajian ini mengukuhkan hujah yang menegaskan bahawa pengajaran bukan suatu konsep yang mudah tetapi boleh berbentuk cair mengikut masa dan tahap perkembangan guru pelatih.

Patrick dan Smart (1998) telah menjalankan satu kajian empirikal untuk menilai keberkesanan guru dengan menggunakan suatu meta-inventori. Subjek-subjeknya terdiri daripada 266 orang mahasiswa yang mengikuti pengajian psikologi. Hasil analisis faktor menunjukkan keberkesanan guru adalah pelbagai dimensi. Dimensi-dimensi itu terdiri daripada 3 faktor iaitu menghormati pelajar, kebolehan mencabar pelajar, serta organisasi dan kemahiran persembahan.

Selain itu, Patrick dan Smart (1998) juga telah merumuskan dimensi-dimensi pengajaran berkesan seperti jadual berikut:

Jadual 1: Rumusan Dimensi-dimensi Pengajaran Berkesan (Patrick & Smart, 1998)

Pengkaji	Tahun	Kajian	Dimensi-dimensi
Samuelowicz & Bain	1992	Lecturers conceptions of teaching at tertiary level	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Conveying knowledge <input type="checkbox"/> Facilitating student's independent learning <input type="checkbox"/> Conveying knowledge and facilitating student's independent learning
Ramsden	1992	Key principles of effective teaching in higher education	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> An interest in explaining things clearly <input type="checkbox"/> Appropriate assessment and feedback <input type="checkbox"/> Encouraging independence, control and active engagement <input type="checkbox"/> A willingness to set clear goals and intellectual challenge <input type="checkbox"/> Concern and respect for students and student learning <input type="checkbox"/> A willingness to learn from students
Entwistle & Tait	1990	Two factors of teacher effectiveness	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Teaching ability <input type="checkbox"/> Openness to students
Swartz, White & Stuck	1990	Two factors of effective teaching	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Clear instructional presentation <input type="checkbox"/> Management of student behaviour
Lowman & Mathie	1993	Two factors of effective teaching	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Intellectual excitement <input type="checkbox"/> Interpersonal rapport
Brown & Atkins	1993	Three factors of effective teachers	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Caring <input type="checkbox"/> Systematic <input type="checkbox"/> Stimulating
Ransden	1991	Effective teaching characteristics	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Provides understandable explanations <input type="checkbox"/> Provides good feedback <input type="checkbox"/> Encourages independent thought <input type="checkbox"/> Being organized <input type="checkbox"/> Stimulates students' interest <input type="checkbox"/> Emphatic to students' needs <input type="checkbox"/> Sets clear goals
Halpert	1990	Factors of charismatic leadership	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Expert power <input type="checkbox"/> Referent power <input type="checkbox"/> Job involvement

Tidak banyak kajian tempatan yang menggunakan kaedah grid repertori untuk mengkaji persepsi guru pelatih mahupun terlatih tentang pengajaran yang berkesan. Bagaimanapun, kaedah grid repertori mendapat sambutan yang menggalakkan di Europa, Australia, England, dan Amerika Syarikat.

Pope (Pope & Keen, 1981) telah banyak menjalankan kajian yang menggunakan grid repertori dalam pendidikan, pengurusan, kaunseling, serta perkembangan guru. Khususnya dalam 1978, Pope telah melakukan satu penyelidikan untuk memantau pandangan guru pelatih sebelum, semasa, dan selepas latihan mengajar. Salah satu tujuan utama kajian itu dibuat adalah untuk menilai sama ada grid repertori dapat mengesan perubahan perspektif guru pelatih dan menilai sama ada hasil grid repertori berkenaan boleh menjadi satu lantaran untuk maklum balas tentang pengalaman-pengalaman ketika guru pelatih menjalankan latihan mengajar. Subjek kajian dikumpulkan secara rambang kepada 3 kumpulan;

- Kumpulan 1: Subjek ditemuduga sebelum dan selepas latihan mengajar
- Kumpulan 2: Subjek ditemuduga sebelum dan selepas latihan mengajar, serta melengkapkan 3 grid (sebelum, semasa, dan selepas latihan mengajar).
- Kumpulan 3: Subjek melakukan apa yang dibuat seperti Kumpulan 2 tetapi sesi maklum balas diadakan untuk membincangkan analisis grid yang telah dilengkapkan.

Mengikut Pope,

*“This case study illustrates that using grid analysis as a base one can gain a great deal of insight into how the person feels about teaching in **his or her own terms**. We would suggest that these extracts tap issues of personal importance to the student teacher which will have significant bearing on both her performance as a teacher and her own career choice” (1981:123).*

Reid dan Johnston (1999) menggunakan kaedah grid repertori dan tinjauan soal selidik untuk membandingkan konsep pengajaran yang baik di antara pensyarah universiti dan mahasiswa. Dimensi-dimesi yang dianggap sebagai pengajaran yang baik adalah seperti “depth, knowledge clarity, interaction, interest, approachability, organization.

Xiao dan Dyson (1999) mengkaji persepsi pelajar terhadap pengajaran perakaunan yang baik dengan menggunakan teknik grid repertori. Teknik grid repertori yang digunakan dalam kajian tersebut ditadbirkan secara kertas dan pensil

kepada 31 orang pelajar perakaunan yang menuntut di 3 buah institusi pengajian tinggi di China. Subjek diminta mengisi borang grid repertori secara perseorangan selepas mereka dimaklumkan cara-cara mengisinya. Elemen-elemen yang dibekalkan adalah seperti berikut:

- ❑ E1: someone whom I think is a good accounting teacher
- ❑ E2: someone whom I think is a poor accounting teacher
- ❑ E3: someone whom I think is a fairly good accounting teacher
- ❑ E4: an accounting teacher who helped me
- ❑ E5: an accounting teacher who put me off
- ❑ E6: someone whom I think is an expert accounting teacher
- ❑ E7: someone whom I think is a good teacher in another subject
- ❑ E8: someone whom I think is a poor teacher in another subject
- ❑ E9: a teacher in another subject who helped me

Selepas konstruk-konstruk dicungkilkan, skor diberi mengikut skala Likert lima mata. Selepas itu, konstruk-konstruk dikumpulkan dan kekerapan sesuatu aspek-aspek umum seperti “knowledgeable”, “Adoption of effective teaching methods”, “Responsible”, “Interesting teaching”, “Encouraging and facilitating independent thinking”, “Personality”, “Good communication skills”, “Good preparation”, “Care about students” dan sebagainya dikira. Hasil kajian menunjukkan bahawa sifat-sifat pengajaran perakaunan yang dianggap baik ialah “knowledgeable”, “the adoption of effective teaching approaches”, “being responsible and conscientious”, “making teaching interesting”, “an ability to encourage and facilitate independent thinking”, dan “an ability to provide moral and behavioural guidance”. Sifat-sifat pengajaran yang baik dimiliki sama oleh pengajar mata pelajaran perakaunan dan pengajar mata pelajaran lain.

7 Metodologi Kajian

Kerangka teori kajian ini adalah berasaskan psikologi konstruk peribadi yang diutarakan oleh George Kelly (1955). Temuduga yang menggunakan teknik grid repertori yang dicadangkan oleh Stewart (1978) telah digunakan. Seorang guru terlatih dan dua guru pelatih semester empat di Maktab Perguruan Sandakan berjaya ditemuduga dengan menggunakan teknik grid repertori. Pemilihan guru terlatih dan guru pelatih akan dibuat secara sukarela.

Secara perseorangan, subjek dimaklumkan tentang tujuan temuduga grid repertori agar dia dapat memahami dengan lebih jelas lagi apa yang diertikan dengan pengajaran yang berkesan. Subjek dimaklum dan diyakinkan bahawa tiada sebarang penilaian akan dibuat terhadap pandangannya.

Semua maklumat dicatatkan dalam borang grid repertori yang mengandungi 3 bahagian iaitu (A) sifat persamaan untuk polar emergen, (B) pangkatan, dan (C) sifat perbezaan atau kontra. Lihat lampiran “A”.

Selepas itu, subjek diminta menyenaraikan tiga guru yang dianggap baik, tiga guru yang dianggap lemah, dan tiga guru yang dianggap sederhana dari segi pengajaran di bilik darjah. Guru-guru ini merupakan set elemen yang dikenali oleh subjek. Nama guru-guru berkenaan boleh dirahsiakan dan nama samaran boleh digunakan. Sesuatu nama guru berkenaan ditulis pada kertas berukuran 3” x 4”. Kertas-kertas nama ini digunakan untuk membantu subjek mencungkilkan konstruk kemudian. Nama-nama guru juga dicatatkan dalam ruang elemen pada borang grid repertori.

Langkah seterusnya ialah pencungkilan konstruk. Subjek ditunjukkan dengan 3 elemen secara rambang lalu diminta menamakan sifat penting yang dimiliki oleh dua orang tetapi tidak dimiliki oleh orang yang lain. Sifat persamaan yang dimiliki oleh dua elemen ini disebut polar emergen manakala polar kontra disebut polar implisit. Langkah ini akan berulang sehingga semua elemen dipertimbangkan. Untuk membantu subjek, kertas-kertas nama telah digunakan.

Pangkatan semua elemen bagi setiap pasangan polar (implisit dan emergen) akan dilakukan dalam ruang pangkatan pada borang grid repertori. Subjek diminta memberi pangkat bagi setiap elemen. Elemen yang paling mirip polar emergen diberi pangkat 1 manakala pangkat 9 diberi kepada elemen yang paling mirip polar kontra (sekiranya jumlah elemen adalah 9). Selepas jadual siap diisi, kandungannya disemak oleh subjek sebelum langkah analisis dilakukan.

Selepas subjek telah mengangkat semua elemen, maka ia diminta memasukkan elemen ‘Diri’ dan ‘Ideal’. ‘Diri’ mewakili subjek manakala ‘Ideal’ mewakili model guru yang dianggap paling berkesan dalam pengajarannya. Pangkatan dibuat untuk dua elemen yang baru dengan menggunakan pangkatan yang sedia ada. Contohnya 1 hingga 9 jika jumlah elemen termasuk “ideal” dan “diri” ialah 9.

Grid repertori kasar (mentah) yang dihasilkan dianalisa dengan menggunakan analisis kluster dan analisis faktor. Walaupun dicadangkan agar satu perisian komputer khas untuk analisis seperti “EnquireWithin” digunakan, akan tetapi perisian itu tidak dapat dibeli sebab masalah kewangan. Oleh sebab demikian, analisa grid dilakukan dengan menggunakan perisian statistik biasa iaitu SPSS 10.1 (berlesen).

Pada mulanya, kaedah analisis kluster digunakan untuk menyimpulkan elemen-elemen agar membentuk faktor-faktor yang umum. Bagaimanapun, mengikut Stewart (1997) lagi, hasil analisis faktor terpaksa mengorbankan sedikit elemen yang tidak dapat difaktorkan. Selepas itu analisis kluster, analisis faktor digunakan untuk merumuskan faktor-faktor umum bagi konstruk-konstruk yang dicungkilkan.

Hasil analisis kluster dalam bentuk dendogram bagi konstruk dan elemen telah ditunjukkan kepada subjek untuk mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut. Faktor-faktor yang disimpulkan hasil analisis faktor juga ditunjukkan kepada subjek untuk menamakan faktor berkenaan. Sesi ini penting sebab salah satu kekuatan teknik grid repertori ini adalah agar penyelidik dapat memahami konstruk subjek dari kaca mata subjek sendiri. Sekiranya perlu, subjek boleh mengubah semula elemen, konstruk, atau pangkatan supaya interpretasi adalah lebih mudah untuk dirinya.

Perlu ditegaskan bahawa kedua-dua teknik analisis yang digunakan adalah berbentuk kualitatif dan berkemungkinan besar interpretasinya boleh diragukan. Selain itu, ujian perangkaan tidak dibuat untuk memastikan sama ada hasil dapatan mempunyai kesignifikanan dari segi statistiknya.

8 Kesignifikanan Kajian

Biasanya persepsi pelatih tentang pengajaran yang berkesan diperoleh melalui soal selidik. Sememangnya, banyak bentuk soal selidik dan instrumen telah direka untuk tujuan berkenaan. Bagaimanapun, kaedah soal selidik tidak dapat mengelakkan perangkap prasangka penyelidik malah terdapat bukti kukuh yang pandangan penyelidik tentang pengajaran yang berkesan tidak semestinya dihayati oleh responden (Solas, 1990).

Kajian ini penting bagi para pendidik guru sebab hasil dapatan adalah berasaskan perspektif subjek sama ada guru pelatih mahupun guru terlatih. Perbandingan fahaman subjek-subjek tentang pengajaran berkesan akan membantu menjelaskan hubungan bimbingan antara guru pelatih, guru pembimbing dan pensyarah. Walaupun mereka berada dalam bilik darjah yang sama, proses

konstruktivisme bagi kedua-dua pihak boleh berbeza. Selain itu, banyak kajian menunjukkan bahawa teknik grid repertori ini dapat membantu pelatih membuat refleksi amalan yang lebih mendalam dan bermutu tinggi.

Kajian ini juga penting bagi para pendidik guru dan penyelidik-penyelidik sebab ia merupakan satu percubaan menggunakan teknik grid repertori yang agak asing dalam iklim penyelidikan pendidikan di Malaysia. Kerangka teori juga berbeza daripada aliran kuantitatif dan kualitatif sebab ini berlandaskan teori psikologi konstruk peribadi.

9 Dapatan & Perbincangan

Hasil temuduga daripada tiga orang subjek akan dipaparkan dengan menggunakan grid mentah. Seterusnya hasil analisis kluster akan menghasilkan dendrogram untuk elemen dan konstruk. Hasil analisis faktor akan merumuskan faktor-faktor utama dan seterusnya kedudukan elemen dan konstruk akan ditunjukkan dalam rajah “scatter plot”.

9.1 *Maklumat Umum Tentang Subjek*

Butiran am tentang ketiga-tiga subjek dirumuskan dalam jadual berikut. Tujuan maklumat diberi adalah untuk menyediakan sedikit latar belakang ringkas tentang subjek yang terlibat.

Jadual 2: Maklumat Am Subjek-subjek

	Subjek I	Subjek II	Subjek III
Pekerjaan	Guru Pelatih	Guru Pelatih	Guru Terlatih
Pengalaman Mengajar	6 minggu praktikum	6 minggu praktikum	13 tahun di sekolah rendah
Opsyen	Matematik	Matematik	Matematik
Jantina	Perempuan	Perempuan	Perempuan
Negeri Asal	Sabah	Sabah	Sabah
Kelulusan Akademik	SPM	SPM	SPM
Umur	22 tahun	23 tahun	35 tahun
Bangsa	Melayu	Melayu	Melayu

9.2 Elemen dan Konstruk Mengikut Subjek

Bilangan elemen dan konstruk bagi ketiga-tiga subjek adalah seperti berikut. Bilangan elemen termasuk elemen yang dibekalkan oleh subjek sendiri serta elemen “guru unggul atau ideal” dan “diri”

Jadual 3: Bilangan Elemen dan Konstruk Mengikut Subjek

	Subjek I	Subjek II	Subjek III
Bilangan Elemen	11	11	10
Bilangan Konstruk	18	23	13

Konstruk-konstruk yang dicungkilkan daripada setiap subjek diringkaskan seperti jadual 4 berikut. Hanya konstruk emergen disenaraikan.

Jadual 4: Konstruk-konstruk Mengikut Subjek

Subjek I	Subjek II	Subjek III
<ul style="list-style-type: none"> • Murid suka (tidak segan) menyoal • Memahami sifat pelajar • Ambil berat di dalam dan luar bilik darjah • Tegas, ambil tindakan jika ganggu p&p • Tegas • Tegur sehingga ikut arahan • Ajar sepenuhnya apa yang dia tahu • Ada unsur lawak jenaka • Peramah • Terus mula mengajar • Memberi penerangan sehingga murid faham • Beri latihan untuk disiapkan di rumah • Bincang latihan sampai dapat jawapan • Pengurusan masa terkawal • Pengajaran yang aktif (tak lengah-lengah masa) • Latihan sesuai • Semak latihan <ul style="list-style-type: none"> ○ dipulangkan ikut masa ○ disemak & diberi penegasan • Feedback: pandai 	<ul style="list-style-type: none"> • Membimbing murid yang lemah • Memberi contoh konkrit ke abstrak, menggalakkan murid berfikir dan pembelajaran sendiri • Tegas; tidak menghukum sesuka hati – hukuman tidak ditetapkan • Memberi kerja susulan di akhir waktu pembelajaran (kerja rumah) • Komunikasi secara lisan dan bertulis • Menarik minat murid dengan objek mautud • Mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman murid • Mempunyai hubungan rapat dengan murid, bergurau • Memberi motivasi • Memberi ganjaran • Menyampaikan isi pelajaran dengan jelas dan tepat • Ada perancangan sebelum aktiviti 	<ul style="list-style-type: none"> • Ambil berat – pasti budak ikut pelajaran • Menyediakan bbm, lembaran sebelum mengajar – mengupas kandungan buku teks – ikut kebolehan murid • Menepati masa • Titik berat kelas • Peka dan prihatin • Sedia kongsi dan tukar-tukar fikiran, sanggup belajar untuk perbaiki pengajaran • Sedia menerima pendapat murid • Pergaulan dan pertanyaan terbuka • Beri bimbingan ketika mengajar, tindak capat jika murid buat salah • Berpengalaman • Selalu dedahkan murid tentang cita-cita dan pandangan masa depan dalam kelas • Betul-betul mengajar dalam dan luar kelas • Persediaan terperinci, sedia awal-awal • Pasti bahan cukup untuk semua murid

<p>motivasi murid (menghargai hasil kerja murid)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai strategi dan kaedah • Ada bahan bantu mengajar (lembaran kerja) • Suka menggunakan lembaran kerja • Merancang aktiviti permuliharaan • Main peranan sebagai fasilitator • Mengajar ikut kebolehan murid • Memastikan murid melibatkan diri dengan aktif • Penerangan jelas, tepat dan contoh yang sesuai • Mengurus bilik darjah dengan baik, persekitaran bilik darjah dan keadaan murid • Pengajaran berpusatkan murid • Bahan Bantu mengajar jelas dan sesuai 	
--	---	--

9.3 Grid Repertori Subjek I

Fokus: Persepsi Tentang Pengajaran Berkesan


Tarikh: 10-10-02 (10:15 – 12:00)

	Apakah persamaan yang dimiliki bersama oleh pasangan berkenaan, dengan merujuk kepada pengajaran yang berkesan?	1. Ratnah	2. Rita	3. Rashidah	4. Petrus	5. Sabarudin	6. Tahir	7. Wan	8. Modh Sapri	9. Nordin	10. Diri	11. Ideal	Apakah yang menyebabkan guru ini bersifat bertentang (kontra) dengan pasangan berkenaan, dengan merujuk kepada pengajaran berkesan?
1	Murid suka (tidak segan) menyoal	1	2	5	8	3	6	7	9	4	2	1	Murid segan (takut) menyoal
2	Memahami sifat pelajar	1	4	3	8	5	6	7	9	2	4	1	Layan semua pelajar sama Menyamakan taraf IQ murid
3	Ambil berat di dalam dan luar bilik darjah	1	6	2	8	7	4	5	9	3	5	1	Ambil tindakan jika murid berjumpa sahaja
4	Tegas, ambil tindakan jika ganggu PSP	8	9	2	5	7	4	3	1	6	2	1	Tidak tegas, kurang ambil perhatian
5	Tegas	8	9	3	2	6	5	4	1	7	5	3	Lemah, pergerakan lambat
6	Tegur sehingga ikut arahan	8	9	2	3	6	5	4	1	7	4	2	Tegur sekali sahaja

7	Ajar sepenuhnya apa yang dia tahu	1	2	3	9	5	6	7	8	4	6	1		Simpan sedikit pengajaran dan pengetahuan
8	Ada unsur lawak jenaka	3	4	6	2	7	5	8	9	1	5	3		Serius (biasa)
9	Peramah	1	3	6	8	4	7	5	9	2	2	2		Pendiam
10	Terus mula mengajar	9	6	4	3	8	5	2	1	7	8	9		Bina hubungan dengan murid sebelum mula PSP Menarik minat
11	Memberi penerangan sehingga murid faham	1	4	3	9	5	6	7	8	2	3	1		- simpan sedikit pengetahuan - tidak memberi pengetahuan (penerangan) yang meluas
12	Beri latihan untuk disiapkan di rumah	2	6	5	3	7	8	4	1	9	5	2		Latihan dalam kelas; kurang kerja rumah
13	Bincang latihan sampai dapat jawapan	3	2	1	9	5	4	8	7	6	3	1		Beri latihan, tiada perbincangan sebab kurang masa
14	Pengurusan masa terkawal	7	8	4	6	5	3	2	9	1	5	1		Pengurusan masa tidak terkawal
15	Pengajaran yang aktif (tak lengah-lengah masa)	9	5	1	3	2	6	7	8	4	3	1		Pengajaran yang lambat (lengah-lengah masa)

16	Latihan sesuai	5	1	6	8	2	7	4	9	3	2	1		Latihan terlalu banyak
17	- Semak latihan - dipulangkan ikut masa - disemak & diberi peneguhan	5	2	4	8	1	6	7	9	3	3	1		Semak latihan - tidak memberi peneguhan bertulis - kurang mengambil berat
18	Feedback: pandai motivasi murid (menghargai hasil kerja murid)	4	2	3	9	1	6	7	8	5	4	1		Feedback: biasa

9.3.1 Analisis Kluster: Elemen-elemen




Rajah 1 : Dendrogram Analisis Kluster – Elemen-elemen

Dendrogram elemen-elemen di atas menunjukkan bahawa “sabarudi”, “diri”, “rita”, dan “nordin” boleh dikelompokkan dalam satu kluster manakala kluster yang lain terdiri daripada “ratnah”, “rashidah”, dan “ideal”. Bagaimanapun, kedua-dua kelompok tersebut boleh dikelompokkan untuk menjadi satu lagi kluster yang lebih besar. Satu lagi kelompok yang nyata terdiri daripada “tahir”, “wan”, “petrus”, dan “m sapri”. Dari segi persamaan, “sabarudi” paling rapat dengan “diri”; dan “tahir” paling rapat dengan “wan”.

Dendrogram di atas mencerminkan kedudukan Subjek I dengan elemen-elemen yang lain. Dari segi pengajaran yang berkesan Subjek I menganggap dirinya lebih kurang serupa dengan “sabarudi” (yang bukan merupakan guru yang dianggap unggul). Guru yang dianggap paling berkesan ialah “rashidah” sebab guru ini paling rapat sifatnya dengan guru unggul (“ideal”). Meskipun demikian, pandangan Subjek I boleh dianggap positif sebab ia berada bersama-sama dengan guru-guru yang dianggap berkesan.

9.3.2 Analisis Kluster: Konstruk-konstruk




Rajah 2: Dendrogram Analisis Kluster - Konstruk-konstruk

Dendrogram di atas menunjukkan hubungan di antara 18 konstruk yang dicungkilkan daripada Subjek I. Konstruk-konstruk berkenaan boleh dikelompokkan kepada dua kluster yang besar. Kluster pertama terdiri daripada “memahami sifat pelajar”, “memberi penerangan sehingga murid faham”, “ajar sepenuh apa yang dia tahu”, “murid suka menyoal”, ‘peramah”, “ambil berat di dalam dan luar bilik darjah”, ‘bincang latihan sampai dapat jawapan”, “semak latihan”, “pandai motivasi murid”, “latihan sesuai”, “ada unsur lawak jenaka”, ‘pengurusan masa terkawal”, dan “pengajaran yang aktif”. Kluster kedua termasuk “tegas”, “tegas, ambil tindakan jika ganggu p&p”, “tegur hingga ikut arahan”, “beri latihan untuk disiapkan di rumah”, “terus mula ajar”. Kluster kedua mencerminkan sifat ketegasan guru manakala kluster pertama merumuskan sifat perhubungan serta sifat pengajaran.

Berdasarkan hubungan yang ditunjukkan, secara kasarnya boleh dikatakan bahawa Subjek I menganggap bahawa konstruk-konstruk tentang pengajaran yang berkesan adalah pelbagai dan setiap satunya adalah agak berbeza di antara satu sama lain. Bagaimanapun, konstruk-konstruk yang sangat serupa adalah di antara “memahami sifat pelajar” dengan “memberi penerangan sehingga murid faham”, “murid suka menyoal” dengan “peramah”, dan “tegas” dengan “tegur hingga ikut arahan”.


9.3.3 Analisis Faktor: Kedudukan Konstruk-konstruk



Rajah 3: Scatter Plot – Kedudukan Konstruk-konstruk

Rajah 3 di atas merupakan hasil analisis faktor yang telah diplotkan pada dua faktor yang telah dirumuskan berdasarkan grid repertori Subjek I. Kaedah analisis adalah berdasarkan “Principal Component Analysis”. Apabila rajah ini ditunjukkan kepada Subjek I, dia menamakan faktor-faktor berkenaan sebagai “Ketegasan” dan “Dedikasi”. Varians yang disumbangkan oleh faktor “Dedikasi” adalah sebanyak 47.61% manakala varians yg disumbangkan oleh faktor “Ketegasan” adalah sebanyak 23.39%. Jumlah kumulatif varians yang disumbangkan oleh 2 faktor ini adalah sebanyak 71.00 %.

Anlisis Faktor: Kedudukan Elemen-elemen



Rajah 4: Scatter Plot – Kedudukan Elemen-elemen

Rajah di atas menunjukkan kedudukan dan hubungan elemen-elemen dengan merujuk kepada faktor “Dedikasi” dan faktor “Ketegasan”. “ideal”, “rashidah”, dan “diri” diletakkan dalam kuadran yang tinggi “Dedikasi” dan tinggi “Ketegasan”. Di kuadran tinggi “Ketegasan” dan rendah “Dedikasi” terdapatnya “m sapri”, “petrus”, dan “wan” manakala di kuadran tinggi “Dedikasi” dan rendah “Ketegasan” terletakkannya “sabarudi”, “nordin”, “ratnah”, dan “rita”. Hanya “tahir” ditempatkan dalam kuadran rendah “Ketegasan” dan rendah “Dedikasi”.

Secara kasarnya, mengikut Subjek I, guru yang dianggap berkesan dalam pengajaran mempunyai “Ketegasan” dan “Dedikasi” yang tinggi. Jelasnya, kedudukan bagi “ideal” adalah pada sudut kanan atas. Apabila rajah di atas ditunjukkan kepada Subjek I, ia menyatakan bahawa sememangnya terdapat elemen-elemen yang mengajar bersungguh-sungguh tetapi kurang tegas terhadap murid-murid. Antara guru-guru yang dimaksudkan ialah “rita” dan “ratnah”.

9.4 Grid Repertori Subjek II

Fokus: Persepsi Tentang Pengajaran Berkesan


Tarikh: 10-10-02 (07:30 – 08:45)

	Apakah persamaan yang dimiliki bersama oleh pasangan berkenaan, dengan merujuk kepada pengajaran yang berkesan?	1. Salina	2. Noraini	3. Latiffa	4. Zainal	5. Nike	6. Roslan	7. Mat	8. Mary	9. Ros	10. Duri	11. Ideal	Apakah yang menyebabkan guru ini bersifat bertentang (kontra) dengan pasangan berkenaan, dengan merujuk kepada pengajaran berkesan?
1	Membimbing murid yang lemah	1	2	5	8	7	6	9	3	4	3	1	Menerukan pelajaran tana bimbingan kepada murid lemah
2	Memberi contoh konkrit ke abstrak, menggalakkan murid berfikir dan pembelajaran sendiri murid sendiri	1	2	7	6	8	5	9	3	4	5	2	Memberi contoh-contoh mudah
3	Tegas; tidak menghukum sesuka hati – hukuman tidak ditetapkan	8	7	4	5	1	3	2	9	6	8	9	Menetapkan peraturan dalam bilik darjah - hukuman jelas dan tetap
4	Memberi kerja susulan di akhir waktu pembelajaran (kerja rumah)	2	1	4	6	7	5	8	9	3	3	1	Aktiviti dalam bilik darjah sahaja
5	Komunikasi secara lisan dan bertulis	1	2	7	8	3	6	9	4	3	3	2	Komunikasi bertulis sahaja
6	Menarik minat murid dengan objek maujud	1	4	5	8	6	7	9	3	2	4	1	Rangsangan lisan sahaja (bersoal jawab)

7	Mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman murid	1	2	5	7	6	8	9	3	4	4	2		Sampaikan isi pelajaran sahaja
8	Mempunyai hubungan rapat dengan murid, bergurau	3	4	6	7	9	5	8	1	2	5	1		- hubungan ada batas - tegas - terus mengajar
9	Memberi motivasi	1	2	7	6	4	9	8	3	5	6	3		Mengkritik
10	Memberi ganjaran	1	4	6	5	8	7	9	2	3	4	9		Menghukum
11	Menyampaikan isi pelajaran dengan jelas dan tepat	1	2	7	8	3	5	6	4	9	3	1		Tidak berpendirian - berubah-ubah perintah
12	Ada perancangan sebelum aktiviti	1	3	6	8	5	7	9	2	4	2	1		Mengajar tanpa persediaan awal - tidak bbn
13	Pelbagai strategi dan kaedah	1	3	6	5	7	8	9	2	4	4	3		Kaedah kuliah sering digunakan
14	Ada bahan bantu mengajar (Lembaran kerja)	2	1	7	6	5	8	9	4	3	4	2		Beri kerja dalam buku teks
15	Suka menggunakan lembaran kerja	9	8	4	2	1	3	5	7	6	7	9		Menggunakan pelbagai bahan Bantu mengajar

16	Merancang aktiviti permuliharaan	1	2	5	7	6	8	9	3	4	1	2	Pembelajaran murid diteruskan pengajaran baru - murid keciciran dalam pelajaran
17	Main peranan sebagai fasilitator	2	1	6	7	5	8	9	3	4	3	4	Penyampaian kuliah
18	Mengajar ikut kebolehan murid	1	2	8	7	6	5	9	3	4	4	3	Soalan sama rata. Mendesak murid kuasai kemahiran aras tinggi.
19	Memastikan murid melibatkan diri dengan aktif	1	3	4	6	9	8	7	2	5	2	3	Sering menggunakan aktiviti individu
20	Penerangan jelas, tepat dan con toh yang sesuai	2	1	5	6	7	8	9	3	4	4	2	Penerangan kuliah sahaja
21	Mengurus bilik darjah dengan baik, persekitaran bilik darjah dan keadaan murid	2	1	5	6	7	8	9	2	3	3	1	Mengabaikan sosioemosi murid
22	Pengajaran berpusatkan murid	1	2	5	7	6	8	9	3	4	5	2	Berpusatkan guru
23	Bahan Bantu mengajar jelas dan sesuai	2	3	5	6	4	7	9	1	8	3	2	Bahan bantu mengajar kurang jelas dan menarik minat murid

9.4.1 Analisis Kluster: Elemen-elemen




Rajah 5: Dendrogram Analisis Kluster – Elemen-elemen

Dendrogram di atas menunjukkan hubungan antara elemen-elemen berdasarkan grid repertori Subjek II. Dua kluster yang besar dapat dikesan. Kluster pertama terdiri daripada “salina”, “ideal”, “noraini”, “mary”, “diri” dan “ros” manakala kluster kedua terdiri daripada “latiff”, “zainal”, “roslan”, “nik”, dan “mat”. Guru unggul dari segi pengajaran berkesan paling rapat sifatnya dengan “salina”. Diri Subjek II berkait rapat dengan “mary”. Selain itu, dua elemen yang mempunyai sifat yang agak serupa ialah “latiff” dan “zainal”.

Seperti Subjek I, walaupun Subjek II tidak beranggap diri sendiri sebagai guru yang unggul, ia tetap mengelompokkan diri dengan kluster guru yang dianggap unggul. Kita boleh mengatakan bahawa Subjek II berpersepsi bahawa ia mempunyai sifat-sifat yang dimiliki oleh “ideal” atau “salina” walaupun belum pada tahap yang diidamkan. Pendirian ini menggambarkan Subjek I dan Subjek II mempunyai konsep sendiri yang positif terhadap keberkesanan pengajarannya di bilik darjah.

9.4.2 Analisis Kluster: Konstruk-konstruk




Rajah 6: Dendrogram Analisis Kluster – Konstruk-konstruk

Subjek II telah memberi dua puluh tiga konstruk tentang pengajaran yang berkesan. Meskipun demikian, dendrogram di atas menunjukkan bahawa beberapa konstruk agak susah dibeza-bezakan di antara satu sama lain. Contohnya, “mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman murid”, “pengajaran berpusatkan murid”, “menyampaikan isi pelajaran dengan jelas dan tepat”, “ada bahan bantu mengajar (lembaran kerja)”, dan “main peranan sebagai fasilitator” memang sukar diasingkan dan boleh dijadikan satu kluster tersendiri. Bagi kluster yang terdiri daripada “membimbing murid yang lemah”, “merancang aktiviti pemulihan”, dan “ada perancangan sebelum aktiviti”, didapati Subjek II berpersepsi bahawa ketiga-tiga

konstruk adalah serupa. Meskipun demikian, konstruk-konstruk seperti “tegas, tidak menghukum sesuka hati – hukuman tidak ditetapkan” dan “suka menggunakan lembaran kerja” serta “memberi kerja susulan di akhir waktu pembelajaran (kerja rumah)” jelasnya agak jauh perbezaan di antara satu sama lain.

9.4.3 Analisis Faktor: Kedudukan Konstruk-konstruk




Rajah 7: Scatter Plot – Kedudukan Konstruk-konstruk

Pengiraan analisis faktor yang menggunakan Principal Component Analysis untuk menghasilkan dua faktor yang menyumbang jumlah varian sebanyak 85.437%. Faktor pertama memberi varians sebanyak 47.829% manakala faktor kedua memberi varians sebanyak 37.637. Apabila rajah di atas ditunjukkan kepada Subjek II, ia menamakan faktor pertama sebagai “Komunikasi” dan faktor kedua sebagai “Kesungguhan”.

Rajah di atas menunjukkan kedudukan konstruk-konstruk yang telah dilektakkan pada paksi “komunikasi” dan “kesungguhan”. Sekira dibahagikan kepada empat kuardan, maka didapati konstruk “tegas; tidak menghukum sesuka hati – hukuman tidak ditetapkan” dan “suka menggunakan lembaran kerja” terletak dalam kuardan yang rendah “Kesungguhan” dan rendah “Komunikasi”. Secara kasarnya, konstruk-konstruk lain terletak dalam kuardan tinggi “Kesungguhan” dan tinggi “Komunikasi”. Walaupun demikian, konstruk “menyampaikan isi pelajaran dengan jelas dan tepat” dan “memberi kerja susulan di akhir waktu pembelajaran (kerja rumah)” agak terasing dari kelompok konstruk-konstruk lain dalam kuardan tersebut.

9.4.4 Analisis Faktor: Kedudukan Elemen-elemen



Rajah 8: Scatter Plot – Kedudukan Elemen-elemen

Kedudukan elemen-elemen dengan berpaksikan faktor “Komunikasi” dan “Kesungguhan” ditunjukkan dalam rajah di atas. Dalam kuardan tinggi “Kesungguhan” dan rendah “Komunikasi” hanya terdapat elemen “nik”. “mat”, “roslan”, “zainal”, dan “latiff” berada dalam kuardan rendah “Kesungguhan” dan rendah “Komunikasi” manakala “noraini”, “salina”, “diri”, “ideal”, dan “mary” terletak dalam kuardan tinggi “Kesungguhan” dan tinggi “Komunikasi”. Elemen tunggal yang terletak dalam kuardan rendah “Kesungguhan” dan tinggi “Komunikasi” ialah “ros”.

Berdasarkan analisis faktor di atas, boleh dirumuskan bahawa mengikut Subjek II, guru yang menunjukkan pengajaran berkesan sebaik-baiknya mempamerkan konstruk-konstruk yang tinggi “Kesungguhan” dan tinggi “Komunikasi”. Di samping itu, konstruk-konstruk yang dianggap bertentangan dengan pengajaran berkesan ialah “tegas; tidak menghukum sesuka hati – hukuman tidak ditetapkan” dan “suka menggunakan lembaran kerja”.

9.5 Grid Repertori Subjek III


Fokus: Persepsi Tentang Pengajaran Berkesan

Tarikh: 24-10-02 (11:30 – 12:45)

	Apakah persamaan yang dimiliki bersama oleh pasangan berkenaan, dengan merujuk kepada pengajaran yang berkesan?	1. Lili	2. Zee	3. Ann	4. Abu	5. Salena	6. Sina	7. Sin	8. Bibi	9. Diri	10. Ideal		Apakah yang menyebabkan guru ini bersifat bertentang (kontra) dengan pasangan berkenaan, dengan merujuk kepada pengajaran berkesan?
1	Ambil berat – pasti budak ikut pelajaran	1	3	2	7	4	5	8	6	2	3		Pengajaran tak kisah
2	Menyediakan bbm, lembaran sebelum mengajar – mengupas kandungan buku teks – ikut kebolehan murid	1	3	2	7	5	6	8	4	2	3		Banyak bergantung buku teks, tidak mengupas kandungan buku teks – tidak ikut kebolehan murid
3	Menepati masa	2	3	1	7	5	6	8	4	2	1		Kurang menepati masa
4	Titik berat kelas Peka dan priatin	2	3	1	7	5	6	8	4	1	2		Sambil lewa
5	Sedia kongsi dan tukar-tukar fikiran Sanggup belajar untuk perbaiki pengajaran	2	1	3	7	6	5	8	4	1	2		Cepat puas hati
6	Sedia menerima pendapat murid	2	1	3	6	4	7	8	5	1	1		Sekala, dari dia sahaja

7	Pergaulan dan pertanyaan terbuka	3	2	1	7	5	6	8	4	1	1			Tertumpu kepada orang tertentu sahaja
8	Beri bimbingan ketika mengajar, tindak capat jika murid buat salah	1	2	3	7	6	5	8	4	3	1			Ajar dan sampaikan sahaja (tidak periksa murid dalam kelas)
9	Berpengalaman	2	4	1	7	3	6	8	5	3	1			Baru - perlu masa untuk menambahkan kepakaran
10	Selalu dedahkan murid tentang cita-cita dan pandangan masa depan dalam kelas	3	2	1	7	5	6	8	4	4	1			Sepintas lalu sahaja
11	Betul-betul mengajar dalam dan luar kelas	1	2	3	7	5	6	8	4	3	1			Ajar dalam masa ajar sahaja - kurang bersungguh-sungguh
12	Persediaan terperinci, sedia awal-awal	2	3	1	7	5	6	8	4	4	1			Tidak kisah (tahu tentang persediaan tetapi rasa tak perlu)
13	Pasti bahan cukup untuk semua murid	2	3	1	7	5	6	8	4	1	1			Ala kadar

9.5.1 Analisis Kluster: Elemen-eleman




Rajah 9: Dendrogram Analisis Kluster – Elemen-elemen

Dendrogram elemen-elemen di atas menunjukkan terdapatnya dua kluster yang besar. Didapati “Ann”, “Ideal”, “Lili”, “Diri”, dan “Zee” dikelompokkan dalam satu kluster manakala satu lagi kluster adalah terdiri daripada “Abu”, “Sin”, dan “Saleha”, “Bibi”, dan “Sina”. Dalam kluster pertama, “Ann” dan “Lili” diibaratkan sebagai guru yang unggul sebab pautan yang ditunjukkan amat erat. Elemen-elemen yang menunjukkan persamaan yang rapat ialah “Abu” dan “Sin” serta “Saleha” dan “Bibi”. Kluster kedua sebenarnya boleh dibahagikan kepada 2 sub-kluster yang terdiri daripada “Abu” dan “Sin” serta “Saleha”, “Bibi”, dan “Sina”.

Dendrogram di atas mencerminkan kedudukan Subjek III dengan 8 elemen yang lain. Dari segi pengajaran yang berkesan Subjek III menganggap dirinya lebih menyerupai kluster guru unggul. Guru yang dianggap paling berkesan ialah “Ann” dan “Lili”. Meskipun demikian, pandangan Subjek III boleh dianggap positif sebab ia berada bersama-sama dengan guru-guru yang dianggap berkesan.


9.5.2 Analisis Kluster: Konstruk-konstruk



Rajah 10: Dendrogram Kluster Analisis – Konstruk-konstruk

Berdasarkan rajah dendrogram di atas, 13 konstruk yang diutarakan oleh Subjek III tidak menunjukkan kluster yang sangat rapat. Contohnya terdapat satu konstruk (“sedia menenrima pendapat murid”) yang tidak dapat dikelompokkan dengan mana-mana konstruk yang lain. Sekiranya kita mengasingkan konstruk tersebut, maka kita akan dapat melihat dua kluster yang agak nyata. Salah satu kluster terdiri daripada “menepati masa”, “pastikan bahan cukup untuk semua murid”, “pergaulan dan pertanyaan terbuka”, “titik berat kelas, peka dan prihatin”, “selalu dedahkan murid tentang cita-cita dan pandangan masa depan dalam kelas”, “persediaan terperinci, sedia awal-awal”, dan “berpengalaman” manakala kluster yang lain merangkumi “ambil berat – pasti budak ikut pelajaran”, “menyediakan bbm, lembaran sebelum mengajar – menyupas kandungan buku teks – ikut kebolehan murid”, dan “sedia kongsi, dan tukar-tukar fikiran - sanggup belajar untuk perbaiki pengajaran”.

9.5.3 Analisis Faktor: Kedudukan Konstruk-konstruk




Rajah 11: Scatter Plot – Kedudukan Konstruk-Konstruk

Rajah 11 di atas adalah hasil analisis faktor yang telah diplotkan pada dua faktor yang telah dirumuskan berdasarkan grid repertori Subjek III. Kaedah analisis dilaksanakan dengan menggunakan kaedah “Principal Component Analysis”. Apabila rajah “scatter plot” ini ditunjukkan kepada Subjek III, dia melabelkan faktor-faktor berkenaan sebagai “Minat (boleh menyokong kerjaya)” dan “Keperluan Asas (dimiliki oleh guru)”. Varians yang disumbangkan oleh faktor “Minat” adalah sebanyak 48.31% manakala varians yg disumbangkan oleh faktor “Keperluan Asas” adalah sebanyak 45.42%. Jumlah kumulatif varians yang disumbangkan oleh 2 faktor ini adalah sebanyak 93.73%.

Semua konstruk terletak dalam kuardan yang menunjukkan aras yang tinggi bagi “Minat” dan “Keperluan Asas”. Di samping itu, kebanyakan konstruk seolah-olahnya saling bertindih kecuali bagi “berpengalaman”, “titik berat kelas, peka dan prihatin”, dan “sedia kongsi, dan tukar-tukar fikiran - sanggup belajar untuk perbaiki pengajaran”. Justeru itu, interpretasi terhadap kedudukan konstruk-konstruk mengikut faktor-faktor yang dirumuskan adalah lebih sukar dilakukan.

9.5.4 Analisis Faktor: Kedudukan Elemen-elemen



Rajah 12: Scatter Plot – Kedudukan Elemen-elemen

Rajah 12 menunjukkan bagaimana Subjek III meletakkan kedudukan elemen-elemen dengan merujuk kepada faktor “Minat” dan faktor “Keperluan Asas”. “Ideal”, “Lili”, dan “diri” diletakkan dalam kuardan yang tinggi “Minat” dan tinggi “Keperluan Asas”. Di kuardan tinggi “Minat” dan rendah “Keperluan Asas” terletaknya “Saleha” dan “Ann” manakala di kuardan rendah “Keperluan Asas” dan rendah “Minat” terdapatnya “Sin”, “Abu”, “Sina”, dan “Bibi”. Hanya “Zee” ditempatkan dalam kuardan rendah “Minat” dan tinggi “Dedikasi”.

Secara kasarnya, mengikut Subjek III, guru yang dianggap berkesan dalam pengajaran mempunyai “Minat” dan “Keperluan Asas” yang tinggi. Ini adalah sebab “ideal” berada di plot yang tinggi dalam kedua-dua sifat. Apabila ditunjukkan rajah di atas, Subjek III berpendapat kedudukan elemen-elemen membawa erti yang masuk akar baginya. Pengajaran yang berkesan dapat dikaitkan dengan guru yang memiliki keperluan asas mengajar dan minat untuk meningkatkan kerjayanya.

9.6 Perbandingan Konstruk Di Antara Guru Terlatih dan Guru Pelatih

Konstruk-konstruk yang dicungkilkan daripada guru-guru pelatih dan guru terlatih dibandingkan dengan tiga faktor utama yang dibincangkan oleh Patrick dan Smart (1998). Mana-mana konstruk yang mempunyai persamaan atau perkaitan dengan ketiga-tiga faktor dikategorikan mengikut “Menghormati pelajar”, “Kebolehan mencabar pelajar”, dan “Organisasi & kemahiran persembahan”. Konstruk-konstruk lain yang tidak dapat dikategorikan dalam ketiga konstruk utama berkenaan akan dianggap sebagai perbezaan.

Perbandingan Konstruk-konstruk Guru-guru Pelatih dan Guru Terlatih Dengan Faktor Utama Pengajaran Berkesan (Patrick & Smart, 1998) ditunjukkan dalam Jadual 6 berikut.

Jadual 5: Perbandingan Konstruk-konstruk Subjek Dengan Faktor Utama Pengajaran Berkesan (Patrick & Smart, 1998)

	Patrick & Smart (1998)	Guru Pelatih		Guru Terlatih
		Subjek I	Subjek II	Subjek III
Persamaan	Menghormati pelajar	(5 konstruk) <input type="checkbox"/> Murid suka (tidak segan) menyoal <input type="checkbox"/> Memahami sifat pelajar <input type="checkbox"/> Ambil berat di dalam dan luar bilik darjah <input type="checkbox"/> Ajar sepenuhnya apa yang dia tahu <input type="checkbox"/> Peramah	(5 konstruk) <input type="checkbox"/> Mempunyai hubungan rapat dengan murid, bergurau <input type="checkbox"/> Memberi motivasi <input type="checkbox"/> Memberi ganjaran <input type="checkbox"/> Mengajar ikut kebolehan murid <input type="checkbox"/> Pengajaran berpusatkan murid	(4 konstruk) <input type="checkbox"/> Peka dan perhatin <input type="checkbox"/> Sedia menerima pendapat murid <input type="checkbox"/> Beri bimbingan ketika mengajar, tindak cepat jika murid buat salah <input type="checkbox"/> Betul-betul mengajar di dalam dan luar kelas

	Kebolehan mencabar pelajar	(2 konstruk) <ul style="list-style-type: none"> ❑ Bincang satihan sampai dapat jawpan ❑ Latihan sesuai 	(3 konstruk) <ul style="list-style-type: none"> ❑ Memberi contoh konkrit ke abstrak, menggalakkan murid berfikir dan pembelajaran sendiri ❑ Main peranan sebagai fasilitator ❑ Memastikan murid melibatkan diri dengan aktif 	(2 konstruk) <ul style="list-style-type: none"> ❑ Ambil berat – pasti budak ikut pelajaran ❑ Selalu dedahkan murid tentang cita-cita dan pandangan masa depan dalam kelas
--	----------------------------	--	---	---

	Organisasi & kemahiran persembahan	<p>(6 konstruk)</p> <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Ada unsur lawak jenaka <input type="checkbox"/> Terus mula mengajar <input type="checkbox"/> Memberi penerangan sehingga murid faham <input type="checkbox"/> Pengurusan masa terkawal <input type="checkbox"/> Pengajaran yang aktif (tak langkah-langkah masa) <input type="checkbox"/> Feedback: pandai motivasi murid (menghargai hasil kerja murid) 	<p>(12 konstruk)</p> <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Membimbing murid yang lemah <input type="checkbox"/> Memberi kerja susulan di akhir waktu pembelajaran (kerja rumah) <input type="checkbox"/> Komunikasi secara lisan dan bertulis <input type="checkbox"/> Manarik minat murid dengan objek maujud <input type="checkbox"/> Mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman murid <input type="checkbox"/> Menyampaikan isi pelajaran dengan jelas dan tepat <input type="checkbox"/> Ada perancangan sebelum aktiviti <input type="checkbox"/> Pelbagai strategi dan kaedah <input type="checkbox"/> Ada bahan Bantu mengajar (lembaran kerja) <input type="checkbox"/> Merancang aktiviti permuliharaan <input type="checkbox"/> Penerangan jelas, tepat dan contoh yang sesuai <input type="checkbox"/> Mengurus bilik darjah <p>Bahan Bantu mengajar jelas dan sesuai</p>	<p>(5 konstruk)</p> <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Menyediakan bbm, lembaran sebelum mengajar – mengupas kandungan buku teks-inut kebolehan murid <input type="checkbox"/> Menepati masa <input type="checkbox"/> Titik berat kelas <input type="checkbox"/> Persediaan terperinci, sedia awal-awal <input type="checkbox"/> Pasti bahan cukup untuk semua murid
Perbezaan		<p>(5 konstruk)</p> <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Tegas, ambil tindakan jika ganggu p&p <input type="checkbox"/> Tegas 	<p>(2 konstruk)</p> <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Tegas; tidak menghukum sesuka hati – hukum tidak ditetapkan <input type="checkbox"/> Suka 	<p>(3 konstruk)</p> <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Sedia kongsi dan tukar-tukar fikiran, sanggup belajar untuk perbaiki pengajaran

		<input type="checkbox"/> Tegur sehingga ikut arahan <input type="checkbox"/> Beri latihan untuk disiapkan di rumah <input type="checkbox"/> Semak latihan (dipulangkan ikut masa, disemak & diberi peneguhan)	menggunakan lembaran kerja <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> Pergaulan dan pertanyaan terbuka <input type="checkbox"/> Berpengalaman
--	--	---	--	---

Rumusan Peratus Dan Kekerapan Konstuk Mengikut Faktor Yang Dihasilkan oleh Kajian Patrick & Smart 1998) – Perbandingan Di Antara Subjek dipamerkan seperti Jadual 7 berikut.

Jadual 6: Rumusan Peratus dan Kekerapan Konstuk Mengikut Faktor Pengajaran Berkesan (Patrick & Smart, 1998) – Perbandingan Di Antara Subjek

	Patrick & Smart (1998)	Subjek I	Subjek II	Subjek III
Persamaan	Menghormati pelajar	27.7% (5)	22.7% (5)	28.6% (4)
	Kebolehan mencabar pelajar	11.1% (2)	13.6% (3)	14.3% (2)
	Organisasi & kemahiran persembahan	33.3% (6)	54.5% (12)	35.7% (5)
Perbezaan		27.7% (5)	9.1% (2)	21.4% (3)
Jumlah		100% (18)	100% (22)	100% (14)

Berdasarkan perbandingan di atas, semua subjek memberi paling banyak konstruk bagi faktor kedua iaitu “Organisasi dan Persembahan”. Subjek I memberi 6 konstruk (33.3%), Subjek II memberi 12 konstruk (54.5%), manakala Subjek III memberi 5 konstruk (35.7%) daripada jumlah konstruk masing-masing. Ini bererti dari segi kekerapannya, konstruk-konstruk yang dirangkumi oleh faktor “Organisasi dan Persembahan” yang berkaitan dengan kebolehan dan kemahiran menyampaikan pengajaran paling diutamakan oleh semua subjek. Sebaliknya, faktor “Kebolehan mencabar pelajar” merupakan faktor yang paling sedikit diwakili oleh konstruk

pengajaran berkesan daripada semua subjek. Faktor ini adalah berkaitan dengan kebolehan guru membimbing pelajar ke tahap kefahaman atau kemahiran berfikir yang lebih tinggi. Bagi Subjek I hanya 2 konstruk (11.1%) daripada 18 konstruk adalah berkaitan dengan faktor ini. Bagi Subjek II pula, 3 daripada 22 (atau 12.3%) konstruk digolongkan di bawah faktor ini manakala bagi Subjek III (guru terlatih) 2 daripada 14 konstruk (14.3%) adalah di bawah faktor ini.

Dari segi kekerapan konstruk mengikut 3 faktor yang dinyatakan oleh Patrick dan Smart (1998) maka jelaslah bahawa ketiga-tiga subjek memberi keutamaan yang sama. Turutan dari segi bilangan konstruk adalah “Organisasi dan persembahan” diikuti oleh “Menghormati pelajar”, dan akhirnya ialah “Kebolehan mencabar pelajar”.

Setiap subjek memberi beberapa konstruk yang sukar dikelompokkan oleh faktor-faktor pengajaran berkesan mengikut Patrick dan Smart (1998). Ini memberi sedikit gambaran tentang perbezaan konstruk di antara ketiga-tiga subjek. Bagi Subjek I, terdapat konstruk seperti “Tegas”, “Tegas, ambil tindakan jika ganggu p&p”, serta “Tegur sehingga ikut arahan”. Aspek ketegasan sama ada dalam pengajaran atau sifat guru secara am begitu penting bagi subjek ini. Konstruk-konstruk lain yang hanya disampaikan oleh Subjek I ialah tentang latihan dan penyemakan latihan yang diselesaikan oleh murid.

Bagi Subjek II, dua konstruk yang ketara dan tidak dikongsi oleh subjek-subjek lain ialah tentang “Tegas; tidak menghukum sesuka hati – hukuman tidak ditetapkan” dan “Suka menggunakan lembaran kerja”. Konstruk tentang hukuman adalah berbeza dengan ketegasan yang dikemukakan oleh Subjek I sebab yang dipentingkan oleh Subjek II ialah cara guru itu menjatuhkan hukuman. Sama ada hukuman itu berat atau mengikut keadaan kesalahan dilakukan (atau pesalah) merupakan pertimbangan Subjek II.

Subjek III memberi 3 konstruk yang berbeza daripada konstruk-konstruk yang dikemukakan oleh subjek-subjek lain. Konstruk-konstruk itu ialah “Sedia kongsi dan tukar-tukar fikiran, sanggup belajar untuk perbaiki pengajaran”, “Pergaulan dan pertanyaan terbuka”, dan “Berpengalaman”. Semua konstruk ini adalah berkaitan dengan perkembangan dan sifat seorang guru. Selain konstruk “Berpengalaman”, kedua-dua konstruk merujuk kepada keinginan dan kesediaan guru untuk berkongsi pengetahuan secara terbuka dan kolaboratif. Subjek III (guru terlatih dan berpengalaman) mempunyai konstruk yang tidak dimiliki oleh dua orang guru pelatih

ialah iaitu pentingnya proses perkembangan profesional yang perlu dimiliki dan diamalkan oleh guru yang berkesan.

10 Kesimpulan & Cadangan

Kajian ini telah menggunakan teknik grid repertori untuk mengkaji persepsi dua orang guru pelatih dan seorang guru terlatih tentang pengajaran berkesan. Metodologi kajian ini telah dapat mengelakkan masalah prasangka pengkaji serta melihat alam konstruk subjek-subjek tentang pengajaran berkesan. Analisis kluster dan analisis faktor telah digunakan untuk mencerakinkan data dan bagi setiap subjek dua faktor utama dirumuskan. Interpretasi terhadap data dilakukan bersama oleh pengkaji dan subjek agar hasil dapatan diterima dan dipersetujui oleh semua subjek yang berkenaan.

10.1 Konstruk-konstruk Pengajaran Berkesan & Rumusan Faktor

Konstruk yang dicungkilkan daripada subjek-subjek adalah pelbagai. Antaranya terdapat konstruk yang diketahui umum malah ada pula yang agak menarik dan jarang-jarang dijumpai. Konstruk-konstruk daripada semua subjek menunjukkan persamaan mahupun perbezaan. Bagi subjek-subjek yang terdiri daripada guru pelatih, kebanyakan konstruk tentang pengajaran berkesan tertumpu kepada kemahiran pengajaran dalam bilik darjah, sifat guru, persediaan pengajaran, pemberian latihan dan kerja rumah, dan pengurusan masa. Bagaimanapun, bagi guru terlatih, persepsi tentang pengajaran berkesan lebih luas dan umum. Malah perbezaan konstruk-konstruk pengajaran berkesan di antara guru terlatih dan guru-guru terlatih yang dikaji ialah aspek perkembangan profesional yang dikemukakan oleh guru terlatih. Contohnya hanya Subjek III (guru terlatih) memberi konstruk tentang pentingnya pengalaman dan kesanggupan guru untuk memajukan diri dalam perkhidmatan.

10.1.1 Perbandingan Konstruk Di Antara Subjek

Kajian yang dilakukan oleh Patrick dan Smart (1998) terhadap pengajaran berkesan melaporkan tiga faktor yang utama iaitu “respect for students”, “organization and presentation skills”, dan “ability to challenge students”. Tiga faktor ini digunakan untuk melakukan perbandingan konstruk di antara subjek.

Majoriti daripada konstruk-konstruk yang diketengahkan oleh ketiga-tiga subjek digolongkan di bawah “organization and presentation skills”. Contohnya ialah

“memberi penerangan sehingga murid faham”, bincang latihan sampai dapat jawapan”, “pengurusan masa terkawal”, “feedback”, “memberi contoh konkrit ke abstrak”, “komunikasi secara lisan dan bertulis”, “mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman murid”, “ada perancangan sebelum aktiviti”, “pelbagai strategi dan kaedah” dan sebagainya (rujuk Jadual 5 dan Jadual 6). Sebaliknya, paling sedikit konstruk yang ditimbulkan oleh semua subjek tergolong di bawah “ability to challenge students”. Apa yang boleh diinterpretasi oleh keadaan ini ialah pendekatan pengajaran yang dianggap berkesan berkisar di sekitar pengajaran secara langsung (direct instruction) yang kurang mendesak murid menggunakan kemahiran berfikir. Sekiranya guru lebih suka menggunakan kaedah pengajaran yang berbentuk behavioris atau sosial sudah tentunya, kebolehan membimbing, menyokong, dan mencabar murid untuk mencapai pengetahuan yang baru tidak begitu diutamakan.

10.1.2 Faktor Yang Dirumuskan

Untuk tujuan analisis dan bandingan, bilangan faktor yang dikelompokkan ditetapkan kepada dua sahaja. Apabila hasil analisis ditunjukkan kepada Subjek I, dia menyatakan bahawa faktor-faktor yang dirumuskan boleh dinamakan sebagai ‘ketegasan’ dan ‘dedikasi’; manakala bagi Subjek II, faktor-faktor yang dirumuskan dilabelkan sebagai ‘kesungguhan’ dan ‘komunikasi’. Bagi Subjek III, faktor pertama disebut sebagai “minat” dan faktor kedua pula ialah “keperluan asas”. Yang dimaksudkan sebagai “keperluan asas” ialah kemahiran-kemahiran asas dan kebolehan dalam pengajaran.

Secara bandingannya, faktor-faktor yang dirumuskan daripada konstruk-konstruk ketiga-tiga subjek mempunyai persamaan dan perbezaan. Contohnya “dedikasi” daripada Subjek I adalah sama dengan “kesungguhan” daripada Subjek II. Bagaimanapun faktor “komunikasi” dan “ketegasan” merujuk kepada sifat yang berlainan.

Bagi Subjek III, faktor yang dinamakan adalah lebih umum. Baginya, pengajaran berkesan ditunjukkan oleh tahap kemahiran atau kebolehan asas dan juga minat untuk memajukan kerjaya. Ini agak berbeza dengan faktor yang dirumuskan daripada Subjek I dan Subjek II yang lebih menghadkan konstruk kepada pengajaran bilik darjah sahaja. Jadual 8 berikut menunjukkan rumusan faktor-faktor yang diperoleh daripada semua subjek akibat analisis faktor yang ditetapkan kepada 2 faktor sahaja.

Jadual 7: Rumusan Analisis Faktor Mengikut Subjek

	Subjek I	Subjek II	Subjek III
Faktor I	Dedikasi	Komunikasi	Minat
Faktor II	Ketegasan	Kesungguhan	Keperluan Asas

10.2 Kedudukan diri dan guru ideal

Analisis kluster dan analisis faktor menunjukkan bahawa ketiga-tiga subjek mengelompokkan diri dengan guru ideal masing-masing. Dengan kata-kata lain, semua subjek menganggap dirinya berada dalam kuadran yang sama dengan guru unggul. Ini bererti sifat-sifat guru unggul dari segi pengajaran berkesan turut dimiliki oleh subjek-subjek kajian. Contohnya, bagi Subjek I, pengajaran berkesan dirumuskan kepada dua faktor iaitu “Ketegasan” dan “Dedikasi”. Kedua-dua sifat ini haruslah pada tahap yang tinggi untuk menghasilkan pengajaran berkesan. Subjek ini beranggapan bahawa ia mempunyai sifat-sifat demikian, meskipun tidak melebihi tahap guru unggul. Keadaan ini berulang bagi Subjek II dan Subjek III.

Sama ada subjek itu terlatih atau belum terlatih, pandangan mereka tetap positif berbanding dengan guru yang dianggap unggul dalam pengajaran berkesan. Bagi kes guru-guru pelatih, keadaan ini harus diberi perhatian oleh para pensyarah sebab pelatih-pelatih yang dikaji telah mempunyai pandangan yang tertentu tentang kebolehan pengajarannya. Sebarang cadangan dan nasihat yang pensyarah salurkan kepada pelatih untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran harus mengambil kira persepsi pelatih ini.

10.3 Cadangan

Beberapa cadangan boleh dibangkitkan untuk memantapkan kajian seperti ini pada masa depan. Aspek-aspek cadangan dibahagikan kepada bilangan subjek kajian, kaedah temuduga, dan kaedah analisis.

Bilangan subjek yang lebih banyak akan memberi gambaran yang lebih menyeluruh dan mendalam tentang konsep pengajaran berkesan. Sekiranya bandingan persepsi guru pelatih dan guru terlatih hendak dilakukan maka bilangan yang seimbang perlu diambil kira. Dalam kajian ini bandingan hanya di antara dua orang guru pelatih dan seorang guru terlatih. Bandingan ini tidak memberi apa-apa erti statistika yang relevan.

Kaedah temuduga yang mengintegrasikan teknologi komputer boleh digunakan untuk mempercepatkan catatan dan analisa data. Catatan adalah lebih sistematik dan tepat dengan adanya perisian komputer. Subjek kajian boleh menyemak data dengan serta merta dan perubahan boleh dilakukan jika perlu. Contoh perisian adalah seperti Enquirewithin.

Analisis kluster dan analisis faktor hanya merupakan kaedah eksplorasi. Hasilnya hanya menyediakan landasan untuk penyelidikan yang lebih mendalam. Justeru itu di cadangkan agar analisis lain disertakan. Contohnya adalah seperti analisis teks atau analisis isi kandungan yang boleh dilakukan selepas konstruk-konstruk dicungkilkan. Pendekatan analisis data yang pelbagai berkemungkinan besar akan memberi pengertian yang lebih tepat.

11 Penutup

Sebagai penutup, kajian ringkas dan eksplorasi ini telah berjaya memberi sedikit sebanyak sumbangan terhadap fahaman tentang pengajaran berkesan. Konstruk-konstruk yang dikemukakan adalah berasaskan perspektif subjek sepenuhnya tanpa menggunakan sebarang instrumen atau soal selidik yang konvensional. Enam konstruk yang dicungkilkan daripada tiga orang subjek menunjukkan persamaan dan perbezaan. Selain itu, faktor-faktor yang dirumuskan daripada konstruk-konstruk setiap subjek juga menunjukkan dimensi yang agak berbeza. Keadaan ini menegaskan kepentingan teknik grid repertori untuk mengkaji persepsi subjek tanpa prajudis penyelidik.

Hasil dapatan juga membantu subjek memahami dengan lebih mendalamnya sistem konstruk sendiri tentang pengajaran berkesan. Kluster-kluster konstruk serta hubungan kaitnya di antara satu konstruk dengan konstruk yang lian secara grafik juga merupakan landasan untuk refleksi sendiri. Bagi guru-guru pelatih, apa yang dicerminkan boleh digunakan untuk mengaya dan memantapkan konsep pengajaran berkesan kelak.

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan kedudukan subjek berbanding dengan elemen-elemen lain yang signifikan mengikut dimensi-dimensi pengajaran yang berkesan. Ini dapat dikaitkan dengan soalan sejauh manakah subjek menganggap diri sendiri berkesan atau tidak dalam pengajaran.

Dalam era di mana pengajaran berkesan akan menentukan kejayaan kurikulum dan sistem pendidikan negara, sebarang pengetahuan dan kefahaman mengenai

konsep pengajaran berkesan akan dihargai. Adalah disedari bahawa lebih banyak kajian melalui pelbagai metodologi kualitatif mahupun kuantitatif dijalankan pada masa akan datang.

Rujukan

- Adler, S. (1991) The reflective practioner and curriculum of teacher education. *Journal of Education for Teaching*, 17(2), 139 - 148.
- Beail, N. Editor, (1985) *Repertory grid technique and personal constructs: applications in clinical and educational settings*. London: Croom Helm.
- Boex, L.F. Jameson. (2000) Attributes of Effective Economics Instructors: An Analysis of Student Evaluations. *Journal of Economic Education*, 00220485, Sumber 2000 Vol.31, Issue 3.
- Brook, J.A. (1992). Use of the Repertory Grid in Career Counseling. *Career Development Quarterly*. 41(1), 39 - 50.
- Christie, D.F.M. & Menmuir, J.G. (1997). The Repertory Grid as a Tool for Reflection in the Professional Development of Practitioners in Early Education. *Teacher Development*. 1(2), 205 – 218.
- Clift, R.T. (1991). *Encouraging reflective practice in education. An analysis of issues and programs*. New York: Teachers College, Columbia University.
- Cruikshank, D.R. (1987). *Reflective Teaching the preparation of students of teaching*: reston, VA, Association of Teacher Education.
- Easterby-Smith, M & Thorpe, R. (1996). Using Repertory Grids in Management. *Journal of European Industrial Training*. 20(3), 3, 28.
- Fransella, F. & Dannister, D. (1977). *A manual for repertory grid technique*. London: Academic Press.
- Hillier, Y. (1998). Informal Practitioner Theory: Eliciting The Implicit. *Studies in The Education of Adults*, 30(1), 35, 18.
<http://cleo.murdoch.edu.au/gen/aset/confs/edtech88/zuber-skerritt.html>
- Hucklesby, S.C. (1985) *A Study of Teacher Education Students' Personal Constructs About Children (Repertory Grid)*. PHD Thesis. University of Illinois At Urbana-Champaign.
- Jankowicz, Di. (2001). Why Does Subjectivity Make Us Nervous? Making the tacit explicit. *Journal of Intellectual Capital*. 2 (1), 61 – 73.
- Keith, M. J. (1988). *A Student Teacher's Practical Knowledge of Success in Classroom Lessons*. PHD Thesis. Univeristy of Tennessee.
- Kelly, G. (1955) *The psychology of personal constructs: clinical diagnosis and psychotherapy*. Volumes 1. New York: W.W. Norton & Co.
- Marsden, D. & Littler, D. (2000). Repertory Grid Technique – An Interperitive Research Framework. *European Journal of Marketing*. 34(7), 816-834.
- Mayer, R.H. (1987) *The Development of the Beliefs/Practice Relationship of Two Student Teachers: A Discussion of the Student Teaching Experience*. PHD Thesis. The Pennsylvania State University.
- Patrick, Jeff & Smart, Roslyn M (1998) *An Empirical Evaluation of Teacher Effectiveness: The Emergence of Three Critical Factors*. *Assesment & Evaluation in Higher Education*, Vol. 23, Issue 2.
- Peters, W.L. (1994). Repertory Grid as a Tool for Training Needs Analysis. *The Learning Organization*. 1(2), 23 – 28.
- Pozo-Munzoz, Carmen, Reboloso-Pacheco, Enrique, Fernandez-Ramirez, Baltasar (2000) *assessment & Evaluation in Higher Education*. Vol. 25, Issue 3.
- Richards, C.J. & Lockhart, C. (1991). *Reflective teaching in second language classrooms*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Roberts, J. (1999). Personal Construct Psychology as a framework for research into teacher and learner thinking. *Language Teaching Research*. 3(2), 117 – 144.

- Schon, D (1983). *The reflective practitioner*. New York: Basic Book.
- Seldin, P. (1999). *Changing Practices in Evaluating Teaching: A Practical Guide to Improved Faculty Performance and Promotion/Tenure Decisions*. Bolton, MA: Anker Publishing Co. Inc.
- Sendan, F. & Roberts, J. (1998). Orhan: a case study in the development of a student teacher's personal theories. *Teachers and Teaching; theory and practice*. 4(2) 229 – 244.
- Solas, J. (1990). Effective Teaching As Construed By Social Work Students. *Journal of Social Work Education*. 26 (2), 145-154.
- Stewart, V. (1978). Business Applications of Repertory Grid. Enquire Within Developments Limited. <http://www.enquirewithin.co.nz/>.
- Suwannatrai, W. (1993). *Practicum Experiences And The Development OF Teaching Perspectives Of Student Teachers In Thailand*. PHD Thesis. University of Alberta (Canada).
- Trice, Ashton DI & Harris, Charles M. (2001) Perceptions of Teachers' Qualities By American And Bulgarian Preservice Teachers. *Education*, 00131172, Winter 2001, Vol. 122, Issue 2.
- Wheeler, S. (2000). What Makes A Good Counsellor? An Anlysis of Ways In Which Counsellor Trainers Construe Good And Bad Counselling Trainees. *Counselling Psychology Quaterly*. 13(1), 65 – 84.
- Zuber, S. (1988). Eliciting personal constructs of research, teaching and/or professional development. In J. Steele and J.G. Hedberg (eds), *Designing for Learning in Industry and Education*, 126-135. Proceedings of EdTech'88. Cancerra: AJET Publications.